

KEBERKESANAN PENGAJARAN KURIKULUM AKIDAH DALAM PENDIDIKAN ISLAM BERASASKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ANALITIKAL DI SEKOLAH MENENGAH

Mohamad Maliki Ali

mdmalikiali@gmail.com

Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur

Maimun Aqsha Lubis

draqsha@gmail.com

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohd Aderi Che Noh

aderi@ukm.edu.my

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Pelaksanaan pengajaran berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) merupakan penanda aras keberkesanan pendidikan abad ke-21 seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia mulai tahun 2014, iaitu selaras dengan transformasi pendidikan negara dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Kurikulum baharu ini dirangka berdasarkan tanda aras antarabangsa bagi memastikan murid yang dilahirkan melalui sistem persekolahan di negara ini memiliki kemahiran yang diperlukan untuk bersaing di peringkat global. Kajian ini berbentuk kajian deskriptif menggunakan pendekatan kuantitatif dengan soal selidik sebagai instrumen kajian. Kajian ini menggunakan seramai 1559 orang murid tingkatan empat sebagai sampel yang dipilih secara rawak dari sembilan daerah di Negeri Selangor. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua aspek yang dinilai berada pada tahap pelaksanaan yang tinggi. Aspek produk dengan 4 domain berada pada tahap pelaksanaan yang paling tinggi (min = 4.10, SP = 0.398), diikuti oleh aspek konteks dengan 4 domain (min = 4.05, SP = 0.383), aspek input dengan 3 domain (min = 3.53, SP = 0.370) dan aspek proses dengan 7 domain (min = 3.44, SP = 0.398). Domain impak terhadap pembelajaran dan PdPc dalam penilaian aspek produk menunjukkan min yang sangat tinggi (min = 4.29, SP = 0.497). Domain yang lain seperti domain penilaian keberkesanan dalam PdPc, kemampuan dalam PdPc dan kebolehpindaan dalam PdPc juga berada pada tahap yang tinggi. Rumusan kajian ini menjelaskan bahawa pelajar masih kurang memahami kemahiran berfikir analitikal dalam matapelajaran akidah dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan.

Kata Kunci: Keberkesanan; Kurikulum; Akidah; Pendidikan Islam; Kemahiran Analitikal,

THE EFFECTIVENESS OF TEACHING AQIDAH CURRICULUM IN ISLAMIC EDUCATION BASED ON ANALYTICAL THINKING SKILL IN SECONDARY SCHOOL

ABSTRACT

Implementation of the teaching based on Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) and Standard Kurikulum Sekolah Menengah (KSSM) is the indicator of the effectiveness of 21st-century education as aspired by Ministry of Education Malaysia from the year 2014, accordance with the national education transformation in Malaysia Education Blueprint (2013-2025). The new curriculum drafted based on the international level of indicator to ensure that pupil who graduated through the schooling system in this country, possessing the required skills to compete at the global level. This study is a descriptive study that used the questionnaire approach as study instrument. This study used as many as 1559 respondents from form four. Meanwhile, the sample of SMK in Selangor state was chosen from nine districts randomly. The results indicated that all of the aspects implemented were at high level. Product aspects with 4 domains was implemented at the highest stage of implementation such as; (mean = 4.10, SP = 0.398), followed by context aspect with 4 domains (mean = 4.05, SP = 0.383), input aspect with 3 domains (mean = 3.53, SP = 0.370) and process aspects with 7 domains (mean = 3.44, SP = 0.398). Impact domain toward learning and PdPc in product aspects assessment shows a very high mean (mean = 4.29, SP = 0.497). Other domain like effectiveness evaluation domain in PdPc, sustainability in PdPc and transferability in PdPc also at high-level. As the conclusion, the students still possess the low understanding of analytical thinking skill in aqidah subject in Islamic Education in secondary school.

Keyword: Effectiveness; Curriculum; Akidah; Islamic Education; Analytical Skill

Pengenalan

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengenal pasti kemahiran pembelajaran dan pemudahcaraan abad ke-21 yang sesuai dengan konteks tempatan untuk menyediakan warga Malaysia yang berdaya saing di peringkat antarabangsa. Kurikulum yang sedia ada bermatlamat untuk melahirkan murid yang seimbang, berdaya tahan, bersemangat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, berinovasi, mempunyai semangat patriotik yang tinggi, bekerja secara kumpulan dan mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi serta dapat berkomunikasi dengan baik (KPM, 2014). Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan transformasi pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Pembelajaran dan pemudahcaraan merupakan aspek penting dalam pelaksanaan kurikulum. Ciri-ciri pelajar abad ke-21 ialah pelajar perlu memiliki beberapa aspek tertentu. Pelajar abad ke-21 merupakan pelajar yang celik dalam semua perkara tidak kira dalam teknologi maklumat mahupun akademik. Pelajar abad ke-21

Pelaksanaan pengajaran berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) merupakan penanda aras keberkesanan pendidikan abad ke-21 seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia mulai tahun 2014, iaitu selaras dengan transformasi pendidikan negara dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Kurikulum baharu ini dirangka berdasarkan

tanda aras antarabangsa bagi memastikan murid yang dilahirkan melalui sistem persekolahan di negara ini memiliki kemahiran yang diperlukan untuk bersaing di peringkat global. Aspek pembelajaran berteraskan pemikiran kritikal, penyelesaian masalah, kemahiran metakognitif, kemahiran pedagogi menuntut seseorang guru memiliki kemahiran pembelajaran dan inovasi, kemahiran maklumat, media dan teknologi serta kemahiran hidup dan kerjaya merupakan agenda cabaran abad ke-21 yang perlu diterapkan dalam sistem pendidikan. Selain itu, terdapat pelbagai elemen yang perlu diberi perhatian dalam menguasai kemahiran abad ke-21 ini. Elemen-elemen tersebut adalah seperti kreativiti dan inovasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, komunikasi dan kolaborasi, literasi maklumat, literasi media, literasi teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), fleksibiliti dan mempunyai keupayaan menyesuaikan diri, berinisiatif dan mempunyai haluan diri, kemahiran sosial dan antara-budaya, produktiviti dan akauntabiliti, kepimpinan dan tanggungjawab. Jika pelajar telah disediakan dengan kemahiran abad ke-21 pada peringkat awal, maka sudah pasti kemahiran abad ke-21 akan dikuasai dan digunakan oleh pelajar dengan berkesan pada peringkat pengajian yang lebih tinggi, lebih-lebih lagi pada masa mereka menceburkan diri dalam pasaran kerja dunia.

Transformasi pendidikan yang telah dimulakan pada tahun 2013 melalui pelancaran PPPM 2013-2025 dan seterusnya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025 [(PPPM (PT))] yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan April tahun lalu, bermanfaat untuk membangunkan modal insan dengan minda kelas pertama dan memperkasa pengajian tinggi negara bagi meningkatkan keupayaan, pengetahuan dan inovasi. Kedua-dua Pelan Pembangunan Pendidikan ini mempunyai matlamat yang jelas iaitu menyediakan sistem pendidikan yang terbaik untuk melahirkan pelajar yang berpengetahuan, berkemahiran berfikir, berkeupayaan untuk memimpin dan berkomunikasi dengan baik serta memiliki nilai kerohanian dan beridentiti nasional (Muhyiddin, 2015). Untuk mewujudkan sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi, negara perlu melahirkan modal insan yang berkemahiran dan berfikiran aras tinggi (Haili, 2015).

Pernyataan Masalah

Menurut Maimun Aqsha et al. 2013, guru Pendidikan Islam sering berhadapan dengan pelbagai situasi yang mencabar mereka agar sentiasa bermotivasi dalam memikul amanah dan tanggungjawab dengan sebaik mungkin. Pelbagai cabaran yang mereka perlu hadapi seiring dengan era pasca moden ini antaranya masalah disiplin pelajar dan persepsi buruk terhadap subjek Pendidikan Islam. Oleh itu, guru perlu menyediakan dirinya dengan ilmu pengetahuan dan maklumat terkini agar dipandang tinggi dan dihormati. Dalam aspek pengajaran pula, penguasaan kaedah pengajaran yang berinovasi perlu dititik beratkan oleh guru Pendidikan Islam kerana kaedah "*calk and talk*" tidak sesuai dipraktikkan lagi mutakhir ini. Guru perlu melakukan inovasi dalam pengajaran dengan menitik beratkan integrasi kurikulum, strategi, pendekatan, kaedah dan teknik di samping menekankan peranan otak kanan dan otak kiri ke arah melahirkan pelajar yang reflektif, bekerjasama, bertanggungjawab dan kreatif.

Guru perlu melakukan pendekatan integrasi berteraskan paradigma tauhid dalam pengajaran (Rohana et. al., 2005). Pembelajaran berfikir paradigma tauhid dan sains juga merupakan satu pendekatan pembelajaran yang melibatkan proses dan juga produk di mana kemahiran berfikir, strategi berfikir, kemahiran proses sains, kemahiran manipulatif, metakognisi, sikap saintifik dan nilai murni ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan Islam perlu mengembangkan tiga domain pembelajaran utama, iaitu

kognitif, afektif dan psikomotor (amalan) dalam mencorakkan perkembangan personal dan interpersonal pelajar. Ketiga-tiga domain tersebut saling berkaitan dalam mempengaruhi pembangunan sahsiah, intelektual dan tingkah laku individu (al-Syaibani, 1991; Syalaby, 1981). Domain kognitif adalah berkaitan dengan aspek pembangunan intelektual pelajar, iaitu bagaimana potensi intelektual pelajar dapat dibangunkan melalui Pendidikan Islam.

Proses kemahiran berfikir dan mengembangkan tahap kecekapan berfikir dalam Pendidikan Islam perlu dirancang oleh guru dengan berkesan sama ada dalam bilik darjah ataupun di luar bilik darjah (Bahagian Pendidikan Islam, 1994; Mohd Kamal, 1988; Samak, 1980). Perhatian perlu diberi untuk mengembangkan pemikiran tahap tinggi yang melibatkan antaranya kemahiran membuat keputusan, membentuk inferens dan membentuk analogi (Zaharah Hussin, 1995; Bahagian Pendidikan Guru, 1994; al-Ghazali, t.t). Menurut Juriah Long (2010), dalam pengajaran kemahiran berfikir, dua perkara utama perlu dilakukan oleh guru, iaitu pertama memberi kefahaman tentang apa yang dimaksudkan sebagai kemahiran untuk berfikir dan kedua, guru mesti membantu murid menjelaskan pengertiannya melalui aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan dalam kelas. Strategi berfikir ini dapat memberi peluang kepada murid untuk lebih maju dalam kehidupan. Namun, kemahiran ini sering diabaikan dalam pembelajaran kerana fokus yang lebih diberi kepada hasil pembelajaran. Dengan memberi penekanan kepada strategi berfikir akan melibatkan kesedaran metakognitif, iaitu memahami dan mengawal pemikiran sendiri. Hal ini perlulah dijadikan matlamat utama untuk mencapai pemikiran dan pembelajaran sendiri.

Tinjauan Literatur

Pengajaran akidah bermaksud aspek akidah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam mengikut sukatan kurikulum buku teks Pendidikan Islam KBSM Tingkatan IV, Kementerian Pendidikan Malaysia (Fauziah, 2012). Buku ini dibahagikan kepada tiga bidang, iaitu bidang tilawah al-Quran dan hadis, ulum syariah dan adab dan akhlak Islamiah. Tilawah al-Quran dan hadis menitikberatkan kemahiran membaca, menghafaz dan memahami isi kandungannya berdasarkan al-Quran dan rasm uthmani. Ulum syariah mengandungi tiga aspek iaitu akidah, ibadah dan sirah nabawiyah dan tamadun Islam. Aspek akidah memberi penekanan kepada pemantapan akidah bagi membolehkan pelajar membezakan diantara ajaran yang benar dan yang salah. Kurikulum akidah dalam buku teks Pendidikan Islam tingkatan empat, KPM terdiri daripada tiga tajuk akidah yang utama. Pertama, perkara-perkara yang membatalkan iman. Kedua; dosa-dosa besar yang membawa kemurkaan Allah, dosa-dosa besar dan dosa-dosa besar yang menghancurkan umat dan ketiga, tuntutan taubat (KPM, 2012).


Kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia adalah untuk menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh, beradab dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah di samping bermatlamat untuk melahirkan hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa dan berupaya untuk menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara Malaysia (KPM, 2002). Tiga bidang pembelajaran diperkenalkan bagi mencapai matlamat tersebut iaitu; pertama, bidang pembelajaran tilawah al-Quran dan hadis. Kedua, bidang pembelajaran 'ulum syar'iyah dan ketiga, bidang pembelajaran adab berteraskan akhlak Islamiah. Kemahiran analitikal adalah kemahiran yang telah lama dianggap sebagai satu kemahiran yang penting semasa berfikir. Geoffrey (1981), pemikiran analitikal adalah bersifat logik dan *convergent* iaitu memerincikan fokus. Secara amnya bermaksud cuba melihat dan memahami keadaan dengan cara yang lebih teliti. Berupaya memberi penerangan kepada sesuatu keadaan iaitu apa yang dikehendaki oleh orang lain yang memerlukannya. Semakin baik analisis, semakin baik penerangan yang diberi yang boleh diterima oleh minda.

Kemahiran analisis dianggap penting dan asas kepada kemahiran berfikir kerana dengan menggunakan analisis, satu keadaan yang kompleks boleh dicernakan menjadi komponen-komponen keadaan kecil yang lebih mudah difahami. Dengan itu ia boleh mempermudah lagi tindakan seterusnya.

Adenan dan Khairuddin (2012), menjelaskan kemahiran berfikir analitikal memberikan analisis terhadap sesuatu kenyataan, pemikiran, tulisan, laporan dan sebab-akibat berlakunya sesuatu peristiwa. Dalam aspek kemahiran ini, daya usaha murid hendaklah dilihat secara lebih terperinci. Berfikir secara analitikal adalah bertitik tolak daripada asas logik dan mampu meyakinkan seseorang dengan fakta dan data serta hujah-hujah yang menggambarkan kebenaran. Kemahiran Analitikal penting bagi membolehkan kita menganalisis, mentafsir dan memahami suatu perkara ataupun idea dengan jelas. Kemahiran ini membolehkan individu membuat penilaian yang lebih objektif iaitu tidak berat sebelah dan berhujah dengan bernaas. Analisis pada perkara, idea, hujah ataupun maklumat sebaik-baiknya objektif, terperinci dan mendalam (Azizi et.al., 2005).

Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1: Menunjukkan model penilaian CIPP (Stufflebeam dan Shinkfield 2003) dengan melakukan beberapa pengubahsuaian sesuai dengan kajian yang dijalankan. Penyelidik menggunakan kesemua elemen dalam model penilaian CIPP yang merangkumi penilaian konteks, input, proses dan produk.



Tujuan dan Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk membuat penilaian terhadap pelaksanaan pembelajaran kemahiran berfikir yang dijalankan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di negeri Selangor dalam kurikulum akidah Pendidikan Islam berdasarkan pendekatan *Context – Input – Process – Product* (CIPP) oleh Stufflebeam et al. (2003). Kajian penilaian ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat atau gambaran menyeluruh tentang pelaksanaan program tersebut, yang mana maklumat-maklumat ini berguna untuk disampaikan kepada perancang dan pelaksana kemahiran berfikir sebagai inisiatif untuk meningkatkan mutu kemahiran berfikir. Secara khususnya, objektif-objektif kajian ini adalah untuk menilai pelaksanaan kemahiran berfikir.

Mengenal pasti tahap pelaksanaan kurikulum akidah dalam Pendidikan Islam (AdPI) di SMK dalam penilaian konteks dari persepsi guru yang meliputi keperluan akidah PI, matlamat akidah PI, objektif akidah PI, kerelevanan kurikulum akidah dalam PI berasaskan kemahiran berfikir analitikal (menganalisis). Mengenal pasti tahap pelaksanaan kurikulum akidah dalam Pendidikan Islam (AdPI) di SMK dalam penilaian *input* dari persepsi guru yang meliputi, kandungan kurikulum, peruntukan masa dan bahan bantu mengajar. Mengenal pasti tahap pelaksanaan kurikulum akidah dalam Pendidikan Islam (AdPI) di SMK dalam penilaian proses dari persepsi guru yang meliputi, strategi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan, kaedah dalam pembelajaran dan pemudahcaraan, teknik pengajaran kemahiran berfikir yang digunakan dalam pengajaran akidah dalam Pendidikan Islam, penekanan pengajaran yang diberikan dalam kemahiran berfikir analitikal, aktiviti kemahiran berfikir analitikal, bahan bantu mengajar, aspek dan kaedah penilaian pengajaran yang dijalankan. Mengenal pasti tahap pelaksanaan kurikulum akidah dalam Pendidikan Islam (AdPI) di SMK dalam penilaian produk dari persepsi guru yang meliputi, impak dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc), keberkesanan dalam PdPc, kemampuhan dalam PdPc dan kebolehpindahan dalam PdPc.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk dan Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif yang menggabungkan dua bentuk kajian iaitu kuantitatif dalam kaedah tinjauan dan kualitatif dalam kaedah temu bual dan pemerhatian. Reka bentuk ini memerihalkan pelaksanaan kurikulum pengajaran akidah Pendidikan Islam berasaskan kemahiran berfikir analitikal yang dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan. Kajian ini juga menilai pelaksanaan kurikulum tersebut dengan menggunakan sepenuhnya empat komponen penting penilaian dalam Model Penilaian CIPP Stufflebeam dan Shinkfield (2003). Model ini membolehkan pengumpulan data-data atau maklumat-maklumat penilaian mengikut empat aspek konteks, input, proses dan produk dan juga laporan penilaian dibuat berdasarkan empat aspek tersebut. Aspek produk pula dibahagikan kepada impak, keberkesanan, sustainabiliti dan transportabiliti. Laporan penilaian dilakukan berdasarkan keempat-empat aspek utama dan empat bahagian di dalam aspek produk tersebut. Data kuantitatif ini diperolehi melalui soal selidik yang digunakan dalam empat aspek penilaian CIPP Stufflebeam (2003) iaitu aspek konteks, input, proses dan produk. Aspek produk pula dibahagikan kepada impak, keberkesanan, sustainabiliti dan transportabiliti.

Penyelidik memilih reka bentuk kajian deskriptif kerana dapat memberikan gambaran

kepada fenomena dan keadaan pelaksanaan kurikulum yang mempunyai pelbagai aspek dan faktor yang perlu diterokai. Selinger dan Shohamy (2000), mengatakan bahawa kajian deskriptif yang digunakan dalam kajian pemerolehan kemahiran akan dapat menyediakan pemerihalan secara semula jadi tentang sesuatu fenomena. Menurut Leedy dan Ormond (2001), kajian deskriptif bertujuan untuk menerangkan keadaan semasa yang merupakan satu situasi seperti mana yang nyata berlaku di sekolah sebagai subjek kajian. Kajian deskriptif digunakan untuk mendapatkan data kuantitatif pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di Negeri Selangor berasaskan kemahiran berfikir kritis dan analitikal. Best (2006), mengatakan kajian deskriptif memberikan penumpuan kepada keadaan atau hubungan antara sesuatu fenomena kajian, kebiasaan dalam sesuatu pelaksanaan, sikap, pandangan atau persepsi, proses yang sedang berlaku, kesan atau perkembangan aliran kecenderungan.

Kajian ini ditumpukan kepada kaedah kuantitatif. Satu cara yang berkesan untuk mendapatkan maklumat daripada responden adalah dengan menggunakan soal selidik (Tuckman, 1978). Soal selidik digunakan untuk menjawab persoalan kajian berkaitan penilaian pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam berasaskan kemahiran berfikir di sekolah menengah secara keseluruhan. Selain daripada itu soal selidik boleh merangkumi bidang yang luas dan boleh dirangka dengan mudah tanpa kehadiran penyelidik (Rubin & Babbie, 2001). Data yang diperoleh daripada soal selidik merupakan data berbentuk kuantitatif. Menurut Babbie (2001), kaedah kuantitatif digunakan agar sampel yang besar dapat dikaji supaya dapatan kajian dapat digeneralisasikan kepada populasi kajian ini.

Data yang telah diperolehi melalui soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian IBM SPSSversi 22. Menurut Mohd Majid (1998), penganalisan data berstatistik menggunakan perisian pengaturan SPSS dapat menghasilkan pengiraan yang tepat. Penganalisan data penyelidikan ini dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu analisis secara deskriptif dan analisis inferensi antara pembolehubah-pembolehubah berparameter yang digunakan di dalam penyelidikan ini. Abbott & Brodens (2005), menyatakan statistik deskriptif membantu untuk mengkategorikan dan menggambarkan sesuatu data. Statistik deskriptif digunakan untuk meringkaskan, merumus dan mempersembahkan sekumpulan data. Di samping itu, analisis deskriptif juga digunakan untuk menghuraikan aspek yang berbeza dalam sesuatu data. Statistik yang digunakan dalam kajian ini ialah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai untuk menerangkan profil sampel iaitu kajian latar belakang demografi bagi guru (zon, umur, jantina, pendidikan menengah, kelayakan akademik, kelayakan ikhtisas, opsyen kelayakan ikhtisas, pengalaman mengajar Pendidikan Islam dan mengikuti kursus Pendidikan Islam) dan pelajar (zon, jantina, pencapaian UPSR dan PMR, pernah belajar di sekolah agama atau tidak dan aliran pengajian) responden. Selain itu, statistik deskriptif turut digunakan untuk mengukur min dan interpretasi tahap skor min penilaian pelaksanaan kurikulum pengajaran akidah dalam Pendidikan Islam (AdPI) berasaskan kemahiran berfikir analitikal yang terdiri daripada penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk. Analisis ini dipaparkan dalam bentuk jadual ataupun gambar rajah graf.

Jadual 1: Penganalisan data berdasarkan persoalan kajian

Persoalan Kajian	Analisis Statistik
1, 2, 3, 4, 5, 6 & 7	Kekerapan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai

Bermulanya daripada tujuan dan persoalan kajian maka penyelidikan ini direka bentuk dengan menggunakan kaedah tinjauan sebagai metodologi utama. Seramai 360 orang guru dan 1559 orang pelajar dari 9 zon daerah di negeri Selangor terlibat dalam kajian ini.

Soal selidik telah dipilih sebagai instrumen utama berdasarkan kesesuaian responden dan kajian. Bagi memastikan kesesuaian instrumen yang bakal digunakan, proses menentukan kesahan dan kebolehpercayaannya telah dilakukan. Langkah tersebut adalah perlu bagi memastikan generalisasi yang bakal dilakukan adalah sah serta boleh dipercayai. Kemudiannya, statistik deskriptif telah digunakan untuk menganalisis data. Statistik deskriptif yang digunakan ialah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai.

Dapatan Kajian

Analisis Profil Responden

Jadual 2: Menunjukkan profil responden yang terdiri dari guru dan pelajar mengikut zon daerah masing-masing. Seramai 360 orang guru terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan Jadual 4.1, bilangan guru yang mewakili Zon Sabak Bernam ialah seramai 43 orang (11.9%), Zon Kuala Selangor ialah seramai 39 orang (10.8%), Zon Hulu Selangor ialah seramai 24 orang (6.7%), Zon Klang ialah seramai 61 orang (16.9%), Zon Petaling ialah seramai 51 orang (14.2%), Zon Gombak ialah seramai 30 orang (8.3%), Zon Kuala Langat ialah seramai 41 orang (11.4%), Zon Hulu Langat ialah seramai 41 orang (11.4%) dan Zon Sepang ialah seramai 30 orang (8.3%).

Jadual 2: Bilangan dan peratusan guru dan pelajar mengikut zon daerah

Zon Daerah	Guru		Pelajar	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Sabak Bernam	43	11.9	172	11.0
Kuala Selangor	39	10.8	177	11.4
Hulu Selangor	24	6.7	178	11.4
Klang	61	16.9	180	11.5
Petaling	51	14.2	171	11.0
Gombak	30	8.3	171	11.0
Kuala Langat	41	11.4	177	11.4
Hulu Langat	41	11.4	180	11.5
Sepang	30	8.3	153	9.8
Jumlah Keseluruhan	360	100.0	1559	100.0

Bagi kategori pelajar pula, seramai 1559 orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Bilangan pelajar yang mewakili Zon Sabak Bernam ialah seramai 172 orang pelajar (11.0%), Zon Kuala Selangor ialah seramai 177 orang pelajar (11.4%), Zon Hulu Selangor ialah seramai 178 orang pelajar (11.4%), Zon Klang ialah seramai 180 orang pelajar (11.5%), Zon Petaling ialah seramai 171 orang pelajar (11.0%), Zon Gombak ialah seramai 171 orang pelajar (11.0%), Zon Kuala Langat ialah seramai 177 orang pelajar (11.4%), Zon Hulu Langat ialah seramai 180 orang pelajar (11.5%) dan Zon Sepang ialah seramai 153 orang pelajar (9.8%).

Jadual 3 menunjukkan profil responden pelajar Pendidikan Islam berdasarkan jantina. Jadual menunjukkan seramai 532 orang (34.1%) ialah pelajar lelaki dan 1027 orang (65.9%) ialah pelajar perempuan. Jadual ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih ramai terlibat dalam kajian ini berbanding pelajar lelaki.

Jadual 3: Profil responden mengikut jantina

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	532	34.1
Perempuan	1027	65.9
Jumlah	1559	100.0

Analisis Deskriptif

Bahagian ini membincangkan tahap penilaian pelaksanaan kurikulum pengajaran akidah dalam Pendidikan Islam (AdPI) berasaskan kemahiran berfikir kritis dan analitikal bagi setiap kontruk dan domain yang terdapat di dalam soal selidik. Tahap-tahap ini diukur berdasarkan pernyataan-pernyataan yang telah dikemukakan kepada responden melalui borang soal selidik. Terdapat lima tahap skor min yang telah ditetapkan bagi semua item yang dikaji berdasarkan interpretasi julat skor min iaitu 1.00 hingga 1.80 berada pada tahap sangat rendah, 1.81 hingga 2.60 berada pada tahap rendah, 2.61 hingga 3.40 berada pada tahap sederhana, 3.41 hingga 4.20 berada pada tahap tinggi dan 4.21 hingga 5.00 berada pada tahap sangat tinggi. Jadual 4.6 menunjukkan interpretasi kepada tahap skor min tersebut.

Dalam Aspek Konteks

Tahap keperluan akidah AdPI dari persepsi guru. Jadual 4, menunjukkan hasil dapatan bagi ujian deskriptif untuk melihat tahap keperluan akidah Pendidikan Islam dari perspektif guru. Hanya terdapat dua item yang berada pada tahap interpretasi yang tinggi iaitu mempelajari akidah PI menjamin keimanan seseorang Muslim (min = 3.71, sp = 1.329) dan item keperluan akidah dinyatakan dengan jelas dalam kurikulum PI (min = 3.41, sp = 1.200). Item-item yang berada pada tahap interpretasi yang sangat tinggi pula ialah item mempelajari akidah PI menyempurnakan tuntutan fardhu ain (min = 4.74, sp = 0.579), mempelajari akidah merupakan keperluan penting dalam PI (min = 4.83, sp = 0.512), mempelajari akidah PI menghalang kesyikiran kepada Allah s.w.t. (min = 4.59, sp = 0.813), mempelajari akidah PI untuk mengekalkan amalan ibadah dan akhlak (min = 4.61, sp = 0.654), mempelajari, menghayati dan mengamali akidah ialah satu kepuasan yang diwajibkan (min = 4.68, sp = 0.816) dan keperluan dan kepentingan akidah dipelajari di dalam kelas (min = 4.39, sp = 0.844).

Jadual 4: Skor min, sisihan piawai dan interpretasi bagi domain keperluan akidah PI dari persepsi guru

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Ka1	Mempelajari akidah PI menyempurnakan tuntutan fardhu ain	4.74	0.579	Sangat Tinggi
Ka2	Mempelajari akidah PI menjamin keimanan seseorang Muslim	3.71	1.329	Tinggi
Ka3	Mempelajari akidah merupakan keperluan penting dalam PI	4.83	0.512	Sangat Tinggi

Ka4	Mempelajari akidah PI menghalang kesyikiran kepada Allah s.w.t.	4.59	0.813	Sangat Tinggi
Ka5	Mempelajari akidah PI untuk mengekalkan amalan ibadah dan akhlak	4.61	0.654	Sangat Tinggi
Ka6	Mempelajari, menghayati dan mengamali akidah ialah satu kepuasan yang diwajibkan	4.68	0.816	Sangat Tinggi
Ka7	Keperluan dan kepentingan akidah dipelajari di dalam kelas	4.39	0.844	Sangat Tinggi
Ka8	Keperluan akidah dinyatakan dengan jelas dalam kurikulum PI	3.41	1.200	Tinggi

Tahap matlamat akidah PI dari persepsi guru. Jadual 5, menunjukkan hasil dapatan bagi tahap matlamat akidah PI dari perspektif guru. Terdapat empat item yang berada pada tahap interpretasi yang sangat tinggi dan dua item berada pada tahap yang sederhana. Item-item yang berada pada tahap interpretasi yang sangat tinggi ialah matlamat akidah sesuai dengan keperluan PI di Malaysia (min = 4.39, sp = 0.610), matlamat akidah sesuai dengan Falsafah Pendidikan Islam (min = 4.39, sp = 0.614), matlamat akidah meningkatkan kemampuan pelajar dalam menjalani kehidupan seharian (min = 4.43, sp = 0.620) dan matlamat akidah menambahkan penguasaan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar (min = 4.26, sp = 0.648). Manakala dua item yang berada pada tahap interpretasi yang sederhana ialah item pelajar lemah mudah faham dengan pengajaran kemahiran berfikir (min = 3.37, sp = 0.851) dan item pelajar SMK merasakan kemahiran berfikir tidak sukar (min = 3.34, sp = 0.780).

Item-item yang berada pada tahap interpretasi yang tinggi pula ialah hasil pengajaran kemahiran berfikir akidah telah dinyatakan dengan jelas dalam huraian sukatan pelajaran (HSP) (min = 4.01, sp = 0.692), penyusunan hasil pengajaran dan kemahiran berfikir akidah adalah sesuai (min = 4.01, sp = 0.595), kemahiran berfikir akidah lebih penting daripada kemahiran-kemahiran yang lain (min = 4.03, sp = 0.788), saya suka mengajar kemahiran berfikir dalam akidah PI (min = 4.09, sp = 0.599), saya dapati pengajaran kemahiran berfikir akidah PI tidak sukar (min = 3.78, sp = 0.709).

Jadual 5: Skor min, sisihan piawai dan interpretasi bagi domain matlamat akidah PI dari persepsi guru

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kb1	Hasil pengajaran kemahiran berfikir akidah telah dinyatakan dengan jelas dalam huraian sukatan pelajaran (HSP)	4.01	0.692	Tinggi
Kb2	Penyusunan hasil pengajaran dan kemahiran berfikir akidah adalah sesuai	4.01	0.595	Tinggi
Kb3	Kemahiran berfikir akidah lebih penting daripada kemahiran-kemahiran yang lain	4.03	0.788	Tinggi
Kb4	Saya suka mengajar kemahiran berfikir dalam akidah PI	4.09	0.599	Tinggi
Kb5	Saya dapati pengajaran kemahiran berfikir akidah PI tidak sukar	3.78	0.709	Tinggi
Kb6	Pelajar lemah mudah faham dengan	3.37	0.851	Sederhana

	pengajaran kemahiran berfikir			
Kb7	Pelajar meminati kemahiran berfikir akidah PI	3.54	0.741	Tinggi
Kb8	Pelajar SMK merasakan kemahiran berfikir tidak sukar	3.34	0.780	Sederhana

Tahap objektif akidah PI dari persepsi guru. Jadual 6, menunjukkan hasil dapatan bagi tahap objektif akidah PI dari persepsi guru. Kesemua item di dalam domain ini berada pada tahap interpretasi skor min yang tinggi kecuali hanya satu item yang berada pada tahap yang sederhana iaitu item menguasai kemahiran berfikir objektif akidah PI (min = 3.34, sp = 1.082).

Jadual 6: Skor min, sisihan piawai dan interpretasi bagi domain objektif akidah PI dari persepsi guru

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kc1	Objektif akidah PI dinyatakan dengan jelas dalam kurikulum PI	4.12	0.697	Tinggi
Kc2	Menguasai kemahiran berfikir objektif akidah PI	3.34	1.082	Sederhana
Kc3	Objektif akidah PI sesuai dengan kemampuan pelajar SMK	3.41	0.960	Tinggi
Kc4	Objektif akidah PI selari dengan keperluan PI pelajar di SMK	3.99	0.606	Tinggi
Kc5	Hasil pengajaran kemahiran berfikir selari dengan objektif akidah PI	4.02	0.538	Tinggi

Tahap kerelevanan kurikulum akidah PI berasaskan kemahiran berfikir analitikal (menganalisis) dari persepsi guru. Jadual 7, menunjukkan hasil dapatan bagi tahap kerelevanan kurikulum akidah PI berasaskan kemahiran berfikir kritis dan analitikal (menganalisis) dari persepsi guru. Item-item yang berada pada tahap interpretasi skor min yang tinggi ialah pembentukan pelajar yang mempunyai kemahiran berfikir tentang ketuhanan sesuai dengan keperluan akidah PI (min = 4.17, sp = 0.548), pembentukan pelajar yang mempunyai kemahiran berfikir tentang ketuhanan sesuai dengan keperluan akidah PI (min = 4.16, sp = 0.567), melahirkan pelajar yang mahir berfikir analitikal (menganalisis) sesuai dengan objektif akidah PI (min = 3.47, sp = 0.976), melahirkan pelajar yang berilmu dan pemikiran tinggi sesuai dengan objektif akidah PI (min = 4.11, sp = 0.642) dan pengajaran akidah PI dapat melahirkan pelajar yang memahami dan berfikir tentang Al-Quran (min = 3.89, sp = 1.062).

Manakala item-item yang berada pada tahap interpretasi yang sangat tinggi ialah pengajaran akidah PI dapat memenuhi tuntutan fardhu ain (min = 4.47, sp = 0.628), pengajaran akidah PI dapat memelihara dan berfikir daripada berlakunya penyelewengan akidah ketuhanan (min = 4.45, sp = 0.662) dan pengajaran akidah PI dapat melahirkan pelajar yang memahami dan berfikir tentang ajaran agama Islam (min = 4.41, sp = 0.636).

Jadual 7: Skor min, sisihan piawai dan interpretasi bagi domain kerelevanan kurikulum akidah PI berasaskan kemahiran berfikir kritis dan analitikal (menganalisis) dari persepsi guru

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kd1	Pembentukan pelajar yang mempunyai kemahiran berfikir tentang ketuhanan sesuai dengan keperluan akidah PI	4.17	0.548	Tinggi
Kd2	Pembentukan pelajar yang mempunyai kemahiran berfikir tentang ketuhanan sesuai dengan keperluan akidah PI	4.16	0.567	Tinggi
Kd3	Melahirkan pelajar yang mahir berfikir analitikal (menganalisis) sesuai dengan objektif akidah PI	3.47	0.976	Tinggi
Kd4	Melahirkan pelajar yang berilmu dan pemikiran tinggi sesuai dengan objektif akidah PI	4.11	0.642	Tinggi
Kd5	Pengajaran akidah PI dapat memnuhi tuntutan fardhu ain	4.47	0.628	Sangat Tinggi
Kd6	Pengajaran akidah PI dapat memelihara dan berfikir daripada berlakunya penyelewengan akidah ketuhanan	4.45	0.662	Sangat Tinggi
Kd7	Pengajaran akidah PI dapat melahirkan pelajar yang memahami dan berfikir tentang ajaran agama Islam	4.41	0.636	Sangat Tinggi
Kd8	Pengajaran akidah PI dapat melahirkan pelajar yang memahami dan berfikir tentang Al-Quran	3.89	1.062	Tinggi

Dalam Aspek Input

Tahap kandungan kurikulum dari persepsi guru. Jadual 8, menunjukkan skor min, sisihan piawai dan interpretasi bagi domain kandungan kurikulum dari persepsi guru. Bagi item yang berada pada tahap interpretasi yang sangat tinggi ialah kurikulum akidah PI merangkumi ilmu kefahaman tentang sifat ketuhanan (min = 4.29, sp = 0.660) dan kurikulum akidah PI merangkumi ilmu kefahaman tentang kufur, syirik dan ajaran sesat (min = 4.36, sp = 0.670). Manakala item yang berada pada tahap interpretasi yang tinggi pula ialah kurikulum akidah PI merangkumi tafsiran tentang keagungan Allah s.w.t. (min = 3.65, sp = 1.124), kurikulum akidah PI mengandungi aspek kemahiran berfikir (min = 3.65, sp = 0.998), kurikulum akidah PI mengandungi ilmu tentang kemahiran berfikir kritis dan analitikal (menganalisis) (min = 3.98, sp = 0.620) dan kurikulum akidah PI mengandungi kemampuan percambahan pemikiran berdasarkan tajuk-tajuk akidah (min = 4.05, sp = 0.607).

Jadual 8: Skor min, sisihan piawai dan interpretasi bagi domain kandungan kurikulum persepsi guru

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Ia1	Kurikulum akidah PI merangkumi ilmu kefahaman tentang sifat ketuhanan	4.29	.660	Sangat Tinggi
Ia2	Kurikulum akidah PI merangkumi tafsiran tentang keagungan Allah s.w.t.	3.65	1.124	Tinggi
Ia3	Kurikulum akidah PI merangkumi ilmu kefahaman tentang kufur, syirik dan ajaran sesat	4.36	.670	Sangat Tinggi
Ia4	Kurikulum akidah PI mengandungi aspek kemahiran berfikir	3.65	.998	Tinggi
Ia5	Kurikulum akidah PI mengandungi ilmu tentang kemahiran berfikir kritis dan analitikal (menganalisis)	3.98	.620	Tinggi
Ia6	Kurikulum akidah PI mengandungi kemampuan percambahan pemikiran berdasarkan tajuk-tajuk akidah	4.05	.607	Tinggi

Tahap peruntukan masa dari persepsi guru. Jadual 9, menunjukkan skor min, sisihan piawai dan interpretasi bagi domain peruntukan masa dari persepsi guru. Semua item di dalam domain ini berada pada tahap interpretasi yang tinggi kecuali bagi item peruntukan waktu seminggu (40 minit satu waktu) dalam kelas dengan guru bagi PI mencukupi yang berada pada tahap yang rendah (min = 2.23, sp = 0.921). Item-item yang berada pada tahap interpretasi skor min yang tinggi ialah item peruntukan 2 semester setahun dalam PI mencukupi bagi kemahiran memahami huraian sukatan akidah PI (min = 3.58, sp = 0.821), dan peruntukan 2 semester setahun dalam PI mencukupi bagi memahami kemahiran berfikir kritis dalam akidah PI (min = 3.59, sp = 0.795).

Jadual 9: Skor min, sisihan piawai dan interpretasi bagi domain peruntukan masa dari persepsi guru

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Ib1	Peruntukan 4 waktu seminggu (40 minit satu waktu) dalam kelas dengan guru bagi PI mencukupi	2.23	.921	Rendah
Ib2	Peruntukan 2 semester setahun dalam PI mencukupi bagi kemahiran memahami huraian sukatan akidah PI	3.58	.821	Tinggi
Ib3	Peruntukan 2 semester setahun dalam PI	3.59	.795	Tinggi

mencukupi bagi memahami kemahiran berfikir
kritis dalam akidah PI

Tahap bahan bantu mengajar dari persepsi guru. Jadual 10, menunjukkan skor min, sisihan piawai dan interpretasi bagi domain Bahan Bantu Mengajar (BBM) dari persepsi guru. Item-item yang berada pada tahap interpretasi yang tinggi ialah kemudahan BBM kemahiran berfikir akidah PI sentiasa digunakan dalam PDPC (min = 3.44, sp = 0.795), BBM kemahiran berfikir akidah PI disediakan sendiri oleh guru PI (min = 3.85, sp = 0.785) dan BBM berkesan dalam memahami kemahiran berfikir pelajar (min = 4.13, sp = 0.655). Item-item yang berada pada tahap interpretasi yang sederhana pula ialah kemudahan BBM untuk mengajar kemahiran berfikir akidah PI mencukupi (min = 3.16, sp = 0.871), kemudahan BBM untuk mengajar kemahiran berfikir akidah PI dibekalkan oleh kementerian (min = 2.87, sp = 1.106), kemudahan BBM untuk mengajar kemahiran berfikir akidah PI dibekalkan oleh pihak sekolah (min = 2.86, sp = 1.010) dan kemudahan BBM untuk mengajar kemahiran berfikir akidah PI disediakan oleh panitia (min = 3.32, sp = 0.971).

Jadual 10: Skor min, sisihan piawai dan interpretasi bagi domain Bahan Bantu Mengajar (BBM) dari persepsi guru

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Ic1	Kemudahan BBM kemahiran berfikir akidah PI sentiasa digunaakn dalam PdPc	3.44	.795	Tinggi
Ic2	Kemudahan BBM untuk mengajar kemahiran berfikir akidah PI mencukupi	3.16	.871	Sederhana
Ic3	Kemudahan BBM untuk mengajar kemahiran berfikir akidah PI dibekalkan oleh kementerian	2.87	1.106	Sederhana
Ic4	Kemudahan BBM untuk mengajar kemahiran berfikir akidah PI dibekalkan oleh pihak sekolah	2.86	1.010	Sederhana
Ic5	Kemudahan BBM untuk mengajar kemahiran berfikir akidah PI disediakan oleh panitia	3.32	.971	Sederhana
Ic6	BBM kemahiran berfikir akidah PI disediakan sendiri oleh guru PI	3.85	.785	Tinggi
Ic7	BBM berkesan dalam memahami kemahiran berfikir pelajar	4.13	.655	Tinggi

Jadual 10 menunjukkan analisis terhadap kesemua domain-domain yang terdapat di dalam aspek input iaitu kandungan kurikulum, peruntukan masa dan bahan bantu mengajar dari persepsi guru. Berdasarkan Jadual 4.15, didapati hanya domain kandungan kurikulum berada pada tahap interpretasi yang tinggi (min = 4.00, sp = 0.565). Manakala domain peruntukan masa (min = 3.28, sp = 0.620) dan domain BBM (min = 3.38, sp = 0.569) berada pada tahap interpretasi yang sederhana.

Dalam Aspek Proses

Aspek pertama dalam membuat penilaian proses adalah tahap strategi dalam pengajaran yang dilakukan oleh guru-guru Pendidikan Islam dalam menjalankan tugas sebagai seorang guru di dalam kelas berasaskan kemahiran berfikir. Item dibina untuk mengetahui sejauh mana strategi yang digunakan oleh guru-guru Pendidikan Islam dalam menjalankan pengajaran dan pemudahcaraan kemahiran berfikir analitikal.

Tahap strategi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dari persepsi guru. Jadual 11, menunjukkan skor min, sisihan piawai dan interpretasi bagi domain strategi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dari persepsi guru. Terdapat hanya satu item saja yang berada pada tahap interpretasi skor min yang sederhana iaitu pengajaran berbentuk menganalisis (analitikal) (min = 3.40, sp = 0.848), manakala item-item lain berada pada tahap interpretasi skor min yang tinggi. Skor min bagi item yang berada pada tahap yang tinggi ialah item saya menarik perhatian pelajar terhadap kepentingan kemahiran berfikir dalam pengajaran akidah (min = 3.63, sp = 0.740), saya mempertingkatkan minat pelajar terhadap akidah dengan kemahiran berfikir (min = 3.67, sp = 0.737), pengajaran berbentuk mencirikan (min = 3.70, sp = 0.96), pengajaran berbentuk membandingkan dan membezakan (min = 3.85, sp = 0.691), pengajaran berbentuk mengumpulkan dan mengelaskan (min = 3.65, sp = 0.758), pengajaran berbentuk membuat urutan dan menyusun mengikut keutamaan (min = 3.65, sp = 0.775).

Jadual 11: Skor min, sisihan piawai dan interpretasi bagi domain strategi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc)

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Pa1	Saya menarik perhatian pelajar terhadap kepentingan kemahiran berfikir dalam pengajaran akidah	3.63	.740	Tinggi
Pa2	Saya mempertingkatkan minat pelajar terhadap akidah dengan kemahiran berfikir	3.67	.737	Tinggi
Pa3	Pengajaran berbentuk mencirikan	3.70	.696	Tinggi
Pa4	Pengajaran berbentuk membandingkan dan membezakan	3.85	.691	Tinggi
Pa5	Pengajaran berbentuk mengumpulkan dan mengelaskan	3.65	.758	Tinggi
Pa6	Pengajaran berbentuk membuat urutan dan menyusun mengikut keutamaan	3.65	.775	Tinggi
Pa7	Pengajaran berbentuk menganalisis (analitikal)	3.40	.848	Sederhana

Tahap kaedah dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dari persepsi guru. Jadual 12 menunjukkan skor min, sisihan piawai dan interpretasi bagi domain kaedah dalam pembelajaran dan pemudahcaraan dari persepsi guru. Item-item yang berada pada tahap interpretasi skor min yang tinggi ialah menggunakan kaedah kuliah semasa mengajar (min = 3.41, sp = 0.955), menggunakan kaedah kemahiran berfikir semasa mengajar (min = 3.63, sp = 0.703), menggunakan bahan berbentuk teks dan kaedah bercerita (min = 3.80, sp = 0.758),

menyemak pembacaan tajuk akidah dalam buku teks oleh pelajar (min = 3.54, sp = 0.913), menyemak sebutan ayat dan istilah akidah semasa pembacaan (min = 3.74, sp = 0.854), memastikan pelajar membetulkan sebutan dan berfikir tentang kandungan tajuk akidah dalam buku teks (min = 3.72, sp = 0.815), menjelaskan bahawa kemahiran berfikir penting untuk memahami kandungan akidah (min = 3.77, sp = 0.743), menyarankan agar pelajar memikirkan kebesaran Allah s.w.t. terlebih dahulu pada muqaddimah pengajaran akidah (min = 3.86, sp = 0.757), aktiviti pengajaran & pembelajaran dijalankan secara aktif (min = 3.94, sp = 0.610), menggalakkan pelajar mengemukakan soalan (min = 4.16, sp = 0.629) dan pelajar seronok belajar kemahiran berfikir pengajaran akidah PI (min = 3.71, sp = 0.725).

Jadual 12: Skor min, sisihan piawai dan interpretasi bagi domain kaedah dalam pembelajaran dan pemudahcaraandari persepsi guru

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Pb1	Saya menggunakan kaedah kuliah semasa mengajar	3.41	.955	Tinggi
Pb2	Saya menggunakan kaedah kemahiran berfikir semasa mengajar	3.63	.703	Tinggi
Pb3	Saya menggunakan kaedah gambar rajah dan kad imbasan	2.68	.877	Sederhana
Pb4	Saya menerangkan sebab dan akibat kepada pelajar	4.11	.668	Tinggi
Pb5	Saya menghuraikan kefahaman dan pengajaran ayat kepada pelajar	4.11	.652	Tinggi
Pb6	Saya menjelaskan bahawa kefahaman ayat akan menambahkan kemahiran berfikir	4.04	.675	Tinggi
Pb7	Pengajaran secara kuliah disusuli dengan sesi soal jawab dan perbincangan	4.07	.792	Tinggi
Pb8	Saya menggunakan pelbagai teknik untuk menyampaikan modul ini (contoh: sumbangsaran, main peranan, amali dan teori)	3.84	.749	Tinggi
Pb9	Saya menyarankan agar pelajar memikirkan kebesaran Allah s.w.t. terlebih dahulu pada muqaddimah pengajaran akidah	3.86	.757	Tinggi

Aspek Produk

Tahap impak dalam PdPc dari persepsi guru. Jadual 13 menunjukkan skor min, sisihan piawai dan interpretasi bagi domain impak dalam PdPc dari persepsi guru. Item-item yang berada pada tahap interpretasi yang sangat tinggi ialah pencapaian akidah PI pelajar dapat memenuhi tuntutan fardhu ain (min = 4.33, sp = 0.611). Item-item yang berada pada tahap interpretasi yang tinggi ialah pencapaian akidah PI pelajar dapat memenuhi aspek kemahiran berfikir (min = 4.15, sp = 0.649), pencapaian akidah PI pelajar dapat mengenapasti sekiranya berlaku penyelewengan akidah (min = 4.20, sp = 0.585) dan pencapaian akidah PI pelajar dapat mengenalpasti sekiranya berlaku amalan ajaran sesat (min = 4.20, sp = 0.625).

Jadual 13: Skor min, sisihan piawai dan interpretasi bagi domain impak dalam PdPc dari persepsi guru

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Ha1	Pencapaian akidah PI pelajar dapat memenuhi tuntutan fardhu ain	4.33	.611	Sangat Tinggi
Ha2	Pencapaian akidah PI pelajar dapat memenuhi aspek kemahiran berfikir	4.15	.649	Tinggi
Ha3	Pencapaian akidah PI pelajar dapat mengenapasti sekiranya berlaku penyelewengan akidah	4.20	.585	Tinggi
Ha4	Pencapaian akidah PI pelajar dapat dapat mengenalpasti sekiranya berlaku amalan ajaran sesat	4.20	.625	Tinggi
Ha5	Pencapaian akidah PI pelajar dapat menjadikan Al-Quran sebagai amalan seharian	4.30	.628	Sangat Tinggi

Perbincangan dan Implikasi

Dalam penilaian konteks pelaksanaan kurikulum akidah dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah berasaskan kemahiran berfikir kritis dan analitikal didapati secara umumnya berada pada tahap yang baik, perlu dikekalkan kandungan kurikulum akidah dalam aspek keperluan, matlamat, objektif dan kerelevavannya dalam kurikulum akidah. Jika adapun dalam beberapa aspek yang kecil sahaja. Oleh yang demikian, keperluan-keperluan kurikulum akidah sangat selari dengan kerelevanan akidah kerana ianya merupakan tuntutan fardhu ain ke atas umat Islam mempelajarinya sejak kecil terutama di alam remaja peringkat sekolah menengah. Seterusnya kepentingan keperluan akidah Islam ini perlu diterjemahkan dan diambil berat oleh pihak-pihak tertentu yang terlibat dengan penggubalan dan merangka kurikulum akidah di masa hadapan supaya lebih komprehensif dan fleksible untuk diketengahkan kepada remaja di peringkat sekolah menengah. Supaya tidak terjerumus dengan kefahaman ajaran sesat lagi menyeleweng dari akidah Islam.

Implikasi terhadap penilaian input merangkumi kandungan kurikulum, peruntukan masa mengajar dan bahan bantu mengajar memerlukan perubahan kecil pada penambahan waktu masa mengajar tajuk-tajuk akidah dan bahan bantu mengajar akidah. Masa yang diperutukkan untuk menjelaskan konsep tajuk-tajuk akidah melalui pendetailan dan huraian yang lebih mendalam tidak mencukupi, memandangkan pelajar perlu lebih bersedia dengan setiap tajuk yang hendak diajar oleh guru supaya mudah memahami tentang tajuk akidah yang diajar. Penambahan waktu pengajaran akidah sangat penting supaya aktiviti dan objektif yang dirancang oleh guru dalam rancangan pengajaran harian (RPH) akan tercapai serta pelajar pula dapat memahami dengan baik.

Aspek proses merupakan kerangka pelaksanaan yang amat penting dalam pelaksanaan kurikulum akidah dalam Pendidikan Islam kerana masih ada kelemahan dalam aspek penekanan pengajaran, aktiviti dan adab serta bahan bantu mengajar. Faktor-faktor ini amat penting untuk dilakukan penilaian yang lebih kemas dan tersusun dalam kurikulum akidah terutama dalam aspek aktiviti dan adab. Supaya matlamat dan objektif pemahaman pelajar dalam akidah Islam dapat diperbaiki. Bahan bantu mengajar perlu disediakan dengan lebih sempurna dan digunakan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan supaya senang difahami

oleh para pelajar untuk memahami tajuk-tajuk dalam kurikulum akidah tingkatan empat di sekolah menengah kebangsaan. Persediaan bahan bantu mengajar perlu disediakan oleh pihak panitia dan sekolah dengan disediakan sedikit peruntukan kewangan oleh pihak sekolah dengan kerjasama persatuan ibu bapa dan guru (PIBG).

Kajian terhadap latihan dan pengetahuan pedagogi guru. Cadangan perubahan tidak seharusnya diletakkan kepada pembuat dasar sahaja. Satu usaha yang kolektif perlu dilaksanakan oleh kumpulan pelaksana yang dimulakan oleh individu itu sendiri. Seorang guru yang berkualiti perlu sentiasa berfikir untuk melakukan perubahan bagi mencari cara yang tidak konvensional dan praktikal dalam membantu pelajar membina pemikiran yang kreatif dan inovatif. Pembudayaan berfikir ke hadapan diupayakan melalui pemerhatian, pembacaan dan penulisan ilmiah. Pendidikan seharusnya menjadi platform untuk merubah masyarakat dan bukannya datang atas arahan pihak tertentu. Beliau menekankan bahawa guru perlu mempunyai ciri-ciri berikut supaya anjakan paradigma tersebut boleh dilaksanakan, iaitu *“attributes professionalism, mastery of content knowledge, mastery of pedagogical knowledge and experience leadership for learning”*.

Definisi anjakan paradigma adalah perubahan daripada keadaan semasa kepada keadaan yang baharu. Paradigma profesion keguruan yang semasa adalah lebih berpusat kepada guru dan pengajaran di dalam kelas. Beliau juga berpandangan bahawa sistem pendidikan dan peranan guru perlu berubah untuk memastikan kualiti dan profesionalisme guru dapat dicapai. Antaranya, sistem iaitu autonomi dan pengupayaan kepada guru dan pemimpin sekolah di mana wujudnya sistem yang menghormati dan mengiktiraf hasil usaha guru yang boleh meningkatkan keupayaan pelajar walaupun mungkin tidak termasuk daripada silibus yang ditetapkan.

Rujukan

Al-Qur'an

- Ab.Halim Tamuri.2002. *Kurikulum Pendidikan Islam Menghadapi Cabaran Era Globalisasi dalam Prosiding Wacana Pendidikan Islam*. UKM. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Abd Rahim Abd Rashid.2001. Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Hadi, Muhammad Ahmad. 1984. *Attarbiyatul Islamiyah fi-dzau il Islam*, Jeddah: Darul Bayan al Arabi.
- Abdul Rauf Dalip. 1987. Peranan pendidikan sepadu menggerak, membentuk ummah dan masyarakat: Teras KBSM. *Jurnal pendidikan Fakulti Pendidikan UKM*. Jilid 12. ms. 7-12.
- Abdul Shukur Abdullah, 2000. Development of Learning and Thinking Society. *Proceedings of The International Conference on Teaching and Learning* 24-25 November 2000 at Renaissance Palm Garden Hotel, Putrajaya. UKM.
- Adenan Ayob dan Khairuddin Mohamad. 2012. *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu*. Siri Pendidikan Guru. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Ahmad Mohd Salleh. 2001. *Pendidikan Islam: Asas Dinamika Guru. Jilid 1*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Ahmad Mohd Salleh. 2008. *Pengajian Agama Islam & j-QAF : Meodologi dan Pedagogi Pendidikan untuk KPLI*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Ahmad Munawar Ismail. 2009. *Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia*. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ahmad Talib. (1994). *Penyediaan Guru untuk Melaksanakan Kurikulum Sejarah KBSM*. Laporan Penyelidikan Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Ahmad Yunus. 2011. *Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes*. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. 2005. *Berfikir Secara Logik & Kritis: Panduan Meningkatkan Ketajaman Analisis dan Membuat Keputusan*. Pahang: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Alias Baba. 1997. *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Abrasy, Mohd. Athiyah. (tt). *Ruh attarbiyah watta'lim* (cet. X). Kaherah: Isa Al-Baby Al Halaby & Co.
- al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad bin Muhamad. (tt). *Al Qisthas al Mustaqim*, juz 1. Edisi Muhammad Mustafa Abu al'Ala. Mesir Maktabah al Jundi.
- al-Qaradhawi, Yusuf. 1998. *Al-Quran berbicara tentang akal dan ilmu pengetahuan*. Terjemahan: Abdul Hayyie dkk. Jakarta: Gema Insani.
- Aminah Ayob. 2015. *Forum Anjakan Paradigma Ke Arah Profesion Keguruan Yang Dinamik*. Laporan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015. 13-15 Mei 2015. IPGK Sarawak, Miri, Sarawak. Hal 4-10.
- Babbie, E. 2001. *The practice of social research*. Ed. Ke-9. Belmont, CA: Wadsworth Publications Company.
- Bahagian Pendidikan Guru 1993. *Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif*. Garis Panduan Pelaksanaan Kursus 'in house'. (tidak diterbitkan).
- Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia. 1994. *Model pembelajaran dan pemudahcaraan kemahiran berfikir*, Kuala Lumpur.
- Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia. 1996. *Alat-Alat Kemahiran Berfikir*. Kuala Lumpur
- Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011) *Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan Islam di Malaysia*. Kertas Kerja Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Islam. Kuala Lumpur.
- Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia. 1994. *Pandangan dan Cadangan Perdana Menteri mengenai Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur
- Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia, (1993) *Isu-isu dalam pelaksanaan Pendidikan Islam KBSR & KBSM*. Kertas Kerja Kursus Guru dan Pegawai Pendidikan. Kuala Lumpur.
- Fauziah Haji Muhammad Ramli dan Aminah Idris. 2012. *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Empat*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fogarty, R & Bellanca, J. 1990. *Teach them thinking: mental menus for 24 thinking skills*. Sydney : Hawker Brownlow Education.
- Habib Mat Som. 2011. *Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Malaysia: Satu Sorotan*. *Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Juriah Long. 2010. *Kaedah Pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Leedy, P.D. & Ormrod, J.E. 2001. *Practical research planning and design*, Ed. Ke-7. Upper Saddle River, New York: Prentice-Hall, Inc.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2002. *Huraian sukatan pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 4, KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2005. *Sukatan pelajaran Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. <https://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>. [31 Ogos 2017].
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. Kurikulum Abad Ke-21. Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM. [31 Ogos 2017]
- Maimun Aqsha Abdin Lubis, Sabariah Sulaiman dan Mohd Sham Kamis. 2013. *Peranan guru Pendidikan Islam dalam inovasi pengajaran: Cabaran pasca-moden*. Seminar “Pemeriksaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia: Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam”. Dewan Besar Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur. 24-25 September.
- Mohd Majid Konting. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Ahmad Bajunid. 2015. *Forum Anjakan Paradigma Ke Arah Profesion Keguruan Yang Dinamik*. Laporan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015. 13-15 Mei 2015. IPGK Sarawak, Miri, Sarawak. Hal 4-10.
- Rohana et.al., 2005. Pendekatan integrasi berteraskan paradigma tauhid dalam pendidikan Sains ke arah keharmonian dan kesejahteraan insan. Prosiding wacana Pendidikan Islam: Pendidikan Islam: Pendidikan Islam ke arah kemanusiaan sejagat. Anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Mahkota Century, Melaka, 25-26 Jun
- Stufflebeam, Daniel L. 2003. *The CIPP model for evaluation*. Annual Conference of the Oregon Program Evaluators Network (OPEN). Western Michigan University.
- Stufflebeam, D.L. & Shinkfield, A.J. (2007). *Evaluation theory, models and applications*. San Francisco: Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Tuckman, B.W. 1978. *Conducting educational research*. Ed. Ke-2. New Jersey: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- Zaharah Hussin. 1996. *Analisis kandungan kemahiran berfikir kritis dalam buku teks Pendidikan Islam KBSM*. Laporan Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.